

MAHATHIR-ZIONIST

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SATU CORAK PERGERAKAN ZIONIST DIDAPATI DI NEGARA INI YANG SAMA DENGAN CARA GOLONGAN ITU DAPAT MEMPENGARUHI SEGALA GERAKAN POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL DI AMERIKA SYARIKAT.

PERDANA MENTERI BERKATA PENELITIAN ITU DIDAPATI DARIPADA BEBERAPA BUAH BUKU YANG DITULIS OLEH DUA ORANG RAKYAT AMERIKA SYARIKAT SENDIRI TENTANG PERGERAKAN ZIONIST DAN SEORANG PENUNTUT IJAZAH KEDOKTORAN DARI INDIA.

SETELAH DIBUAT BANDINGAN DIDAPATI BAHAWA CARA PERGERAKAN ZIONIST DI NEGARA INI SAMA SEPERTI YANG DIBUAT DI AMERIKA SYARIKAT, KATA BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS UCAPANNYA YANG MENYEBUT BAHAWA PIHAK ZIONIST MENCUBA MENGGUGAT KERAJAAN KERANA TIDAK INGIN MELIHAT SEBUAH NEGARA YANG DIPERINTAH OLEH ORANG ISLAM STABIL. -- BERNAMA

1457MST 18 09 86

U382

U B369 AAB

MAHATHIR-ZIONIST 2 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA AWAL)

KETIKA DITANYA MENGAPAKAH BELIAU MENDEDAHKAN MANIPULASI OLEH SEKUMPULAN ANGGOTA LONDON METAL EXCHANGE (LME) UNTUK MENJATUHKAN HARGA TIMAH PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI KERANA ADA GOLONGAN TERTENTU YANG INGIN MENJADIKAN PERKARA ITU SATU LAGI SKANDAL.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TERPAKSA CAMPUR TANGAN DALAM PERNIAGAAN TIMAH MELALUI SEBUAH SYARIKAT MAKUWASA KERANA ADA PARA ANGGOTA LME YANG MENCUBA MENJATUHKAN HARGA TIMAH.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK DAPAT MEMBERIKAN JUMLAH KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH KERAJAAN AKIBAT KERUNTUHAN HARGA BIJIH TIMAH.

KATANYA KEMENTERIAN KEWANGAN AKAN MEMBERIKAN JUMLAH KERUGIAN YANG DITANGGUNG DALAM OPERASI MENYELAMAT KEJATUHAN HARGA TIMAH ITU.

-- BERNAMA

1601MST 18 09 86